

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MES	SECTION:	BERITA UTAMA
PUBLICATION:	BNBBC.MY	PAGE NO.:	1 OF 2
DATE:	TUESDAY, 11 JULY 2017	FREQUENCY:	ONLINE
CIRCULATION:	ONLINE		
HEADLINE:	2017 TAHUN PEMULIHAN INDUSTRI GAS & MINYAK		



BN|BBC PORTAL

MAJLIS AHLI PARLIMEN BARISAN NASIONAL - 13 • WWW.BNBBC.MY

Dapatkan RSS Feed di Sini

BERITA TERKINI

- Kerajaan DAP P.Pinang ditegur bayar secara berlebihan yuran rundingan
- Najib: Dana kaum India era saya lebih tinggi
- PAS: Kenapa DAP takut buat pemilihan?
- 2017 tahun pemulihan industri gas & minyak
- Tohmahan tidak halang 1MDB taja 1.100 bakal jemaah haji
- DAP didesak mohon maaf atau tindakan undang-undang diambil
- Tidak perlu politikkan pelantikan Ketua Hakim Negara
- Perkasa PBT, 13 kertas kerja dibentang

BNBBC

A Twitter list by @bnbbs13

Khairy Jamaluddin Retweeted



Berita Harian @bharianmy
85 Felo Perdana dipilih tahun ini

Selanjutnya di :
bharian.com.my/node/301418



Kategori [Berita Utama](#)

2017 tahun pemulihan industri gas & minyak

Oleh: NAJAMUDDIN MOHD NOR Foto RABBANI JAMIAN

11 JULAI: Kerajaan melahirkan keyakinan tinggi bahawa industri minyak dan gas terus berkembang sekalipun terpaksa berhadapan situasi turun naik bekalan serta harga di pasaran global.

Cetusan itu dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang melihat potensi bidang berkenaan untuk terus diterokai sekaligus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam industri berkenaan.



Tegasnya, 2017 bakal menjadi tahun pemulihan bagi penggiat industri minyak dan gas mempelbagaikan produk atau menawarkan perkhidmatan dibandingkan tahun sebelumnya yang paling mencabar.

"Terdapat peralihan pemikiran dalam kalangan penggiat minyak dan gas yang bersandar kepada projek kitaran yang lebih singkat untuk mengurangkan risiko.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MES	SECTION:	BERITA UTAMA
PUBLICATION:	BNBBC.MY	PAGE NO.:	2 OF 2
DATE:	TUESDAY, 11 JULY 2017	FREQUENCY:	ONLINE
CIRCULATION:	ONLINE		
HEADLINE:	2017 TAHUN PEMULIHAN INDUSTRI GAS & MINYAK		



Like One person likes this. Be the first of your friends.

"Saya fikir banyak syarikat mengambil peluang membaik pulih dan menaik taraf kemudahan, kemahiran dan kepakaran sepanjang tempoh ini dalam usaha memperkukuhkan kedudukan syarikat apabila industri ini kembali pulih," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pameran Kejuruteraan Minyak, Gas dan Petrokimia Asia Ke-16 (OGA 2017) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Selasa.

Hadir sama Penasihat PETRONAS, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Malaysian Exhibition Services Sdn Bhd, Tan Sri Asmat Kamaludin.



OGA 2017 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini bakal menonjolkan teknologi, peralatan, mesin terkini industri kejuruteraan minyak, gas dan petrokimia dan dijangka menarik minat 23,000 pengunjung.

Pameran itu membabitkan penyertaan lebih 2,000 syarikat minyak dan gas daripada 60 negara.

Sementara itu, Zahid berkata kerajaan sedang memulakan usaha untuk memperkukuhkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Qatar yang terjejas dengan kejatuhan harga bahan api itu.